

**PEMIKIRAN TURKI UTHMANIYAH MENURUT SYEIKH**

**WAN AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN AL-FATANI**

**DALAM BUKUNYA *HADĪQAT AL-AZHĀR***

***WA AL-RAYĀHĪN***

**ABDUL-RAMAE SULONG**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2013**

**PEMIKIRAN TURKI UTHMANIYAH MENURUT SYEIKH WAN AHMAD BIN  
MUHAMMAD ZAIN AL-FATANI DALAM BUKUNYA *HADĪQAT***

***AL-AZHĀR WA AL-RAYĀHĪN***

**ABDUL-RAMAE SULONG**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi ijazah  
Doktor Falsafah**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Jun 2013**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## **PENGAKUAN**

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 Jun 2013

Abdul-Ramae Sulong

S-HD0005/06(R)

## **PENGHARGAAN**

Pengkaji bersyukur kepada Allah s.w.t. atas hidayah dan taufik-Nya hingga tesis ini dapat diselesaikan dengan baik. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi s.a.w., para keluarga, sahabat dan pengikut-pengikutnya dengan baik hingga ke hari kiamat.

Tesis ini diajukan kepada Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia sebagai syarat untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah, bidang Pengajian Sejarah dan Tamadun Asia. Kejayaan dalam menyiapkan tesis ini hasil dari kerjasama dan bantuan pelbagai pihak sama ada berbentuk arahan, dorongan dan material. Oleh itu pengkaji sangat terhutang budi kepada pihak-pihak berikut:

Pertama kali pengkaji sangat terhutang budi dengan Profesor Madya Dr. Muhammad Azizan bin Sabjan yang sanggup memberi bimbingan hingga tesis ini dapat diselesaikan dengan sempurna. Pada kesempatan ini juga pengkaji mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada pihak pentadbiran Universiti Sains Malaysia, Institut Pengajian Siswazah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Sejarah dan Tamadun Asia Universiti Sains Malaysia dan Consulate General Pulau Pinang yang memberi bantuan dalam pengurusan sehingga tesis ini disiapkan dengan baik. Ucapan terima kasih diungkapkan kepada pengurus Sekolah Pohon Tanjung, Daerah Ruso, Wilayah Narathiwat yang memberi peluang kepada pengkaji bercuti sambil belajar selama setahun lebih bagi menyelesaikan kajian ini.

Pengkaji memberikan setinggi penghargaan kepada pegawai Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Yala, Perpustakaan Prince of Songkla University, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penghargaan ini juga disampaikan kepada saudara Azrul bin Abdul Majid dan Abdul Halim bin Mohamed sebagai pegawai tetap di Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur yang banyak memberi maklumat kepada kajian ini, kepada Saudara Ramli bin Hussain yang menyebarkan buku *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn* sebagai bahan kajian utama pengkaji pada kali ini.

Penghargaan ini juga pengkaji berikan kepada ayahanda, ibunda dan keluarga yang dikasihi, kerana dengan berkat dan restu mereka pengkaji dapat menyelesaikan tesis ini dengan baik. Dalam kesempatan ini juga pengkaji sampaikan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah membantu pengkaji bagi menyiapkan tesis ini. Dan akhir sekali pengkaji berdoa semoga jasa-jasa dan sumbangan mereka diberkati dan diberi ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah s.w.t. di dunia dan akhirat. *Āmīn*.

## SENARAI KANDUNGAN

### **Bab I Pendahuluan**

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	26
1.3 Skop dan Batasan Kajian	27
1.4 Kajian Terdahulu	28
1.5 Objektif Kajian	50
1.6 Kepentingan Kajian	51
1.7 Metodologi Kajian	52
1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data	52
1.7.2 Kaedah Analisis Data	53

### **Bab II Riwayat Hidup Sheikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani**

2.1 Latar Belakang	54
2.1.1 Kelahiran dan Keturunan	54
2.1.2 Perkahwinan	59
2.2 Pendidikan dan Pengalaman Hidup	61
2.3 Guru-Gurunya	64
2.4 Kegiatan-Kegiatannya	66
2.4.1 Mengajar	66
2.4.2 Memberi Fatwa	68

2.4.3	Penulisan dan Terjemahan	70
2.4.3.1	Kitab-Kitab Karangan Sendiri	72
	a) Kitab-Kitab dalam Bahasa Arab	72
	b) Kitab-Kitab dalam Bahasa Melayu	76
2.4.3.2	Kitab-Kitab Yang <i>Ditashih</i>	77
2.4.4	Pengumpulan Manuskrip	80
2.4.5	Penyalinan dan <i>Pentashihan</i> Buku	81
2.4.6	Percetakan	86
2.4.7	Pengasas <i>Jam'iyah Fataniyah</i>	90
2.4.8	Usaha-Usahanya Dalam Bidang Sejarah	91
2.4.8.1	Sejarah Nabi Muhammad s.a.w.	91
2.4.8.2	Sejarah Patani dan Perang Patani Melawan Siam	94
2.4.8.3	Sejarah Bugis	96
2.4.8.4	Sejarah Kepulauan Melayu	98
2.4.8.5	Sejarah Kelambu Kaabah	100
2.5	Pemikirannya	102
2.5.1	Pemikiran Tentang Melayu	102
2.5.2	Pemikiran Tentang Pendidikan dan Pelbagai Kemajuan di Dunia Melayu	105
2.5.3	Pemikiran dan Sikap Beliau Tentang Ilmu Sejarah	106
2.6	Gelarannya	111
2.7	<i>Tarīqatnya</i>	114
2.8	Keistimewaannya	116
2.9	Hubungannya dengan Kerajaan Turki Uthmaniyah	123
2.10	Generasi Penyambung	126

2.10.1 Haji Wan Ismail	127
2.10.2 Haji Wan Mohd.Shaghir Abdullah	128
<b>Bab III Pengenalan Kepada Buku <i>Hadīqat al-Azhār Wa Al-Rayāhīn</i></b>	
3.1 Pendahuluan	132
3.2 Faktor-Faktor Penulisan Buku <i>Hadīqat al-Azhār Wa Al-Rayāhīn</i>	135
3.3 Metode Penulisan Buku <i>Hadīqat al-Azhār Wa Al-Rayāhīn</i>	137
3.3.1 Metode Penyusunan Bab-Bab dan Isi Kandungan	137
3.3.2 Penulisan Pendahuluan	139
3.3.3 Fasal Pertama	145
3.3.4 Fasal Yang Kedua	149
3.3.5 Fasal Yang Ketiga	151
3.3.6 Fasal Yang Keempat	153
3.3.7 Fasal Yang Kelima	153
3.3.8 Fasal Yang Keenam	169
3.4 Sumber-Sumber Rujukan Yang Disebut Dalam Buku <i>Hadīqat al-Azhār</i> <i>Wa Al-Rayāhīn</i>	171
3.4.1 Al-Quran	171
3.4.2 Al-Hadīth	173
3.4.3 Ijmak	174
3.4.4 Buku-Buku Rujukan	175
3.6 Kesimpulan	176



## **Bab IV Sejarah Turki Uthmaniyah Dalam Buku *Hadīqat Al-Azhār***

### ***Wa Al-Rayāhīn***

4.1 Sejarah Turki Uthmaniyah	178
4.1.1 Faktor Penulisan Sejarah Turki Uthmaniyah	179
4.1.2 Sumber Rujukan Sejarah Turki Uthmaniyah	185
4.1.2.1 Buku <i>Al-Daulah Al-'Uthmāniyah min Kitāb Al-Futūhāt Al-Islāmiyah</i>	188
4.1.2.2 Buku <i>Tārīkh Al-Daulah Al-'Aliyah Al-'Uthmāniyah</i>	191
4.1.3 Kandungan Sejarah Turki Uthmaniyah	194
4.1.3.1 Kedudukan Kerajaan Turki Uthmaniyah Menurut Pandangan Ulama	195
4.1.3.2 Politik Kerajaan Turki Uthmaniyah	203
4.1.3.3 Kekuatan Ketenteraan dan Penaklukan Kerajaan Turki Uthmaniyah	229
4.1.3.4 Ekonomi Kerajaan Turki Uthmaniyah	246
4.1.3.5 Pemerintahan Kerajaan Turki Uthmaniyah	257
4.1.3.6 Pendidikan dan Intelektual Kerajaan Turki Uthmaniyah	265
4.1.4 Skop Masa Yang Ditentukan Dalam Sejarah Turki Uthmaniyah	270
4.1.4.1 Zaman Kelahiran, Perkembangan dan Pengukuhan Kerajaan Turki Uthmaniyah	272
4.1.4.2 Zaman Kemuncak dan Kemajuan Kerajaan Turki Uthmaniyah	278
4.1.4.3 Zaman Kelemahan dan Kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyah	281
4.1.5 Keistimewaan dan Kelainan Kandungan Karya Beliau dari Karya-Karya Ahli Sejarah Lain	283

4.1.5.1	Penggunaan Tarikh Hijrah	284
4.1.5.2	Silsilah Keturunan Uthman	285
4.1.5.3	Ringkasan Sejarah	285
4.1.5.4	Bilangan Para Sultan	286
4.2	Sumbangan Sejarah Turki Uthmaniyah	287
4.2.1	Hasil Penulisan Sejarah Turki Uthmaniyah di Patani	287
4.2.2	Kelebihan Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyah Kepada Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	291
4.2.3	Kepentingan Sejarah Turki Uthmaniyah Kepada Umat Melayu Patani	293
4.3	Kesimpulan	298
<b>Bab V Rumusan</b>		
5.1	Kesimpulan	299
5.1.1	Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	299
5.1.2	Buku <i>Hadīqat al-Azhār wa Al-Rayāhīn</i>	302
5.1.3	Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyah	305
5.2	Saranan	310
	Bibliografi	312
	Lampiran	328

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 Logo <i>Jam'iyah Fataniyah</i> yang diasaskan oleh Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	329
LAMPIRAN 2 Haji Wan Ismail, anak kepada Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	330
LAMPIRAN 3 Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, cucu kepada Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	331
LAMPIRAN 4 Muka depan manuskrip buku <i>Hadīqat al-Azhār wa Al-Rayāhīn</i>	332
LAMPIRAN 5 Kulit buku <i>Hadīqat al-Azhār wa Al-Rayāhīn</i> yang diedar oleh Ramli Hussain	333
LAMPIRAN 6 Fasal keempat yang membicarakan tentang sejarah Turki Uthmaniyah	334
LAMPIRAN 7 Muka surat terakhir mengenai sejarah Turki Uthmaniyah	335
LAMPIRAN 8 Kulit buku <i>Al-Daulah Al-'Uthmāniyah min Kitāb Al-Futūhāt Al-Islāmiyah</i>	336
LAMPIRAN 9 Kulit buku <i>Tārīkh al-Daulah al-'Aliyah al-'Uthmāniyah</i>	337
LAMPIRAN 10 Sultan Zaman Kemunculan dan Perluasan	338
LAMPIRAN 11 Sultan Zaman Kuat/Kemuncak	339
LAMPIRAN 12 Sultan Zaman Kelemahan	340
LAMPIRAN 13 Sultan Zaman Kejatuhan	341
LAMPIRAN 14 Salasilah keturunan keluarga para sultan kerajaan Turki Uthmaniyah	342

## PANDUAN TRANSLITERASI

### 1. Konsonan

	ز = z	ق = q
ا = a	س = s	ك = k
ب = b	ش = sh	ل = l
ت = t	ص = ṣ	م = m
ث = th	ض = ḍ	ن = n
ج = j	ط = ṭ	و = w
ح = ḥ	ظ = ḏ	ه = h
خ = kh	ع = ‘	ء = ‘
د = d	غ = gh	ي = y
ذ = z	ف = f	ة = ṭ
ر = r		

### 2. Vokal

#### Pendek

اَ a

اِ i

اُ u

#### Panjang

اَā

اِī

اِū

#### Diftong

اَيَay

اَوَaw

Sumber: Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 1-3.

## SENARAI KEPENDEKAN

a.s.	: ‘Alaihi al-Salam
ed.	: Editor
H.	: Hijriah
hlm.	: Halaman
<i>ibid.</i>	: <i>Ibidem</i> : rujukan pada tempat yang sama
jil.	: Jilid
juz.	: Juzuk
M.	: Masihi
No.	: Nombor
<i>op. cit.</i>	: <i>Opere Citato</i> : rujukan dalam karangan yang telah dicatat
r.a.	: <i>Radīya Allah ‘Anhu/ ‘Anhā/ ‘Anhumā/ ‘Anhum</i>
s.a.w.	: <i>Ṣallā Allah ‘Alaihi wa Sallam</i>
s.w.t.	: <i>Subhānahū wa Ta’ālā</i>
t.t.	: Tanpa tempat penerbit
t.th.	: Tanpa tahun
terj.	: Terjemahan

*vol.* : *Volume*

W. : Wafat

**PEMIKIRAN TURKI UTHMANIYAH MENURUT SYEIKH WAN AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN AL-FATANI DALAM BUKUNYA *HADĪQAT***

***AL-AZHĀR WA AL-RAYĀHĪN***

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji biografi Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, buku beliau berjudul *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn*, dan mengkaji sejarah kerajaan Turki Uthmaniyah yang dimuatkan dalam buku tersebut. Kajian ini juga ingin mengkaji sumbangan penulisan beliau terhadap masyarakat Melayu Patani secara khusus. Data yang berkaitan telah dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan yang terdiri daripada artikel-artikel ilmiah, buku-buku yang berkaitan dengan sejarah Turki Uthmaniyah dan lain-lain dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Melayu, Arab, Inggeris dan Thai. Hasil kajian mendapati bahawa pertama, di Patani terdapat para ilmuwan yang berkebolehan dalam bidang sejarah selain daripada bidang agama dan lain-lain. Kedua, Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani merupakan seorang tokoh yang pakar dalam bidang sejarah khususnya sejarah kerajaan Turki Uthmaniyah. Ketiga, buku *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn* merupakan karya sejarah yang memberikan gambaran tentang sejarah kerajaan Turki Uthmaniyah sejak zaman sultan pertama sehingga kepada zaman akhir hayat beliau sendiri. Keempat, beliau terpengaruh dengan kaedah penulisan sejarah yang ditulis oleh Al-Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlān seorang tokoh sejarah terkemuka Saudi Arabia pada masa itu yang juga merupakan guru kepadanya. Kelima, buku ini memberi sumbangan kepada bidang sejarah yang sekali gus dapat menyifatkan bahawa Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani merupakan salah seorang ahli sejarah Islam dari kalangan orang Melayu.

**THOUGHTS OF TURKISH OTTOMAN EMPIRE ACCORDING TO SHEIKH  
WAN AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN AL-FATANI IN HIS BOOK**

***HADĪQAT AL-AZHĀR WA AL-RAYĀHĪN***

**ABSTRACT**

This research aims to study the biography of Sheikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, his book, *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn*, as well as the history of Turkish Ottoman empire which he wrote in the book. This research also aims to study the contributions of his work especially on Patani-Malay society. Data were collected from various library documents, including the academic articles, books concerning the history of Turkish Ottoman empire and others in various languages including Malay, Arabic, English and Thai. The main results of this study are first, there are many scholars from Patani who are experts in history besides the field of religion and others. Second, Sheikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani is also knowledgeable in history subject, especially about the history of Turkish Ottoman empire. Third, *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn* is a history book, that discusses the history of Turkish Ottoman empire, since the first sultan till the end of his own life. Fourth, he is influenced by the writing method of history used by Al-Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlān a well known history scholar from Saudi Arabia, who was also his teacher. Fifth, this book contributes to field of history, while at the same time, it shows that Sheikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani is an Islamic historian among Malay society.



# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sejarah *daulah* atau kerajaan Turki Uthmaniyah merupakan kerajaan Islam yang penting dalam lipatan sejarah Islam. Ia wujud antara abad ke 13 hingga abad ke 20 kira-kira pada tahun 1281-1924 M. (680-1342 H.) dalam masa selama 643 tahun. Dalam tempoh yang agak lama itu ia mengalami berbagai peristiwa dan kemajuan-kemajuan yang memberi manfaat kepada umat Islam dan bukan Islam dari dahulu hingga kini.

Kerajaan Turki Uthmaniyah diasaskan oleh Uthman bin Ertoghrul<sup>1</sup> yang dianggap sebagai perintis kerajaan Uthmaniyah yang memerintah antara tahun 680 H. /1281 M. -726H./1326 M.<sup>2</sup> Bermula daripada Uthman inilah maka secara perlahan-lahan beliau dan keluarganya melakukan penaklukan ke daerah kekuasaan Saljuk Rom<sup>3</sup> sehingga sebelum akhir abad keempat belas semua negara lainnya diserap oleh kerajaan Uthmaniyah. Setelah itu mereka menamakan Asia Minor dengan nama Turki. Mereka telah menempa kejayaan yang tidak dapat dicapai oleh

---

<sup>1</sup> Baginda dilahirkan pada tahun 656 H., mulai menjadi sultan pada tahun 700 H. dan meninggal di Yeni Shehir disebabkan penyakit bengkak seni (*gout*) pada bulan Ramadan tahun 726 H. semasa berumur 69 tahun dan memerintah selama 26 tahun. (Ahmad bin Zaini Dahlān. 1992. *Al-Daulah Al-'Uthmāniyah min al-Kitāb Al-Futūhāt Al-Islāmiyah ba'da Muḍiy al-Futūhāt al-Nabawiyah*. Al-Juz al-Thāni. Istanbul Turki: Maktabat al-Haqīqah. hlm.114.)

<sup>2</sup> Ahli sejarah berselisih pendapat mengenai penentuan masa bermulanya Sultan Uthman bin Ertoghrul memerintah kerajaan Turki kepada empat pendapat; pertama pada tahun 680 H., kedua pada tahun 687 H., ketiga pada tahun 699 H. dan keempat pada tahun 700 H. Hal ini pengkaji akan membincang secara detil dalam bab keempat nanti (halaman 272-273). Insya Allah.

<sup>3</sup> Kerajaan Saljuk berada di bawah kerajaan Abbasiyah yang berpusat di Baghdad antara tahun 1055-1299 M. Kerajaan ini muncul pada zaman kelumpuhan kerajaan Abbasiyah. Ia berasal dari keturunan Saljuk bin Tuqak, seorang pemimpin dari suku Turkuman. (Lihat Haji Dusuki bin Haji Ahmad. 1980. *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 305.)

kerajaan Islam sebelum itu iaitu kerajaan Umayyah<sup>4</sup> dan kemudian kerajaan Abasiyah.<sup>5</sup>

Kemuncak kerajaan itu ialah penaklukan kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad II al-Fatih<sup>6</sup> pada tahun 1453 M. Kota tersebut merupakan satu bandar yang terindah di dunia, terletak antara benua Asia dan benua Eropah, diliputi laut dari tiga pihak. Tanahnya subur, udaranya baik, mempunyai pelabuhan yang terbesar dan terselamat di dunia dan merupakan pusat perniagaan yang besar, dikunjungi oleh peniaga-peniaga daratan dan lautan. Ia merupakan pintu masuk ke benua Eropah yang diingini oleh pemerintah-pemerintah dalam dunia sama ada pemerintah Islam atau bukan Islam setiap zaman.<sup>7</sup>

Sultan yang memerintah kerajaan Turki Uthmaniyah seramai 36 orang. Ia bermula daripada Sultan Uthman I hingga ke Sultan Muhammad VI<sup>8</sup> pada tahun

---

<sup>4</sup> Kerajaan Umayyah memerintah selama 91 tahun, iaitu bermula pada tahun 41-132 H. (661-752 M.). Kerajaan ini berpusat di Syam dan mempunyai 12 khalifah bermula dengan khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan berakhir dengan khalifah Marwan bin Muhammad. (Lihat Mahmūd Shākir. 2000. *al-Tārākh al-Islāmiyy*. jil. 4. Cetakan ketujuh. Beirut: al-Maktab al-Islāmiyy.)

<sup>5</sup> Kerajaan Abasiyah bermula pada tahun 132-656 H. (752-1258 M.) yang memerintah selama 524 tahun. Kerajaan ini berpusat di Baghdad. Khalifah-khalifah yang memerintah kerajaan ini seramai 37 orang. Khalifah pertama ialah Abdullah bin Muhammad al-Saffāh dan khalifah terakhir ialah al-Mu'tasim Billah. Kerajaan Abasiyah dapat dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama bermula pada tahun 132-247 H. (752-861 M.) Sementara bahagian yang kedua bermula pada tahun 247-656 H. (861-1258 M.), iaitu pada masa khalifah yang kesebelas, al-Muntashir hingga khalifah terakhir, al-Mu'tasim.

<sup>6</sup> Baginda merupakan sultan yang ketujuh dari kerajaan Turki Uthmaniyah, memerintah setelah kewafatan ayahnya pada 16 Muharram 855 H. bersamaan 18 Februari 1451 M. semasa berumur 22 tahun. Baginda meninggal pada tahun 886 H./1481M. dan memerintah selama 31 tahun 2 bulan menurut tahun hijrah adapun kalau dikira berdasarkan tahun Masihi maka ia hanya 30 tahun 2 bulan 15 hari sahaja. (Lihat Salim al-Rashīdī. 1969. *Muhammad al-Fātih*. Al-Tab'ah al-Thāniyah. Jiddah: Maktabat al-Irshād. hlm. 52, 372., 'Ali bin Muhammad al-Salābi. 2001. *Al-Daulah al-Uthmāniyah 'Awāmil al-Nuhūd wa Asbāb al-Suqūf*. Dār al-Nashr wa al-Tauzī' al-Islāmiyah. hlm. 87., Haji Dusuki bin Haji Ahmad. 1980. hlm. 397., Hamka. 1994. *Sejarah Umat Islam*. Cetakan Pertama. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd. hlm. 576., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. 1958. *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn*. Matba'at Persama Press, Pulau Pinang. Cetakan keempat. hlm. 124-125. Rujukan ini seterusnya akan disebut 'Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. 1958. *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn*.)

<sup>7</sup> Salim al-Rashīdī. *op.cit*. hlm. 54., Haji Dusuki bin Haji Ahmad. *op.cit*. hlm. 368., Hasan Ni'matullah. 1997. *Ringkasan Sejarah Kerajaan Bani Uthman Turki*. Penggal Pertama. Cetakan Pertama. hlm. 77.

<sup>8</sup> Baginda ditabal menjadi sultan kerajaan Turki Uthmaniyah pada tahun 1918 M. dan pada 17 November 1922 M. 'Majlis Kebangsaan Turki' di Ankara membuat keputusan bahawa Turki

1922 M., memakan masa lebih dari enam abad. Dalam tempoh masa yang panjang ini, kerajaan melalui beberapa zaman, seperti zaman kelahiran kerajaan Uthmaniyah (687-918 H./1288-1512 M.), zaman penaklukan dan perkembangan (918-974 H./1512-1566 M.), zaman kelemahan (974-1171 H./1566-1757 M.) dan zaman kejatuhan (1171-1328 H./1757-1910 M.). Kemudian diikuti dengan pemerintahan *Parti al-Ittihad wa al-Taraqqi* (Kumpulan Bersatu dan Maju) yang mana merekalah yang membatalkan sistem sultan dan khalifah dan menukar kepada sistem republik.<sup>9</sup>

Uthman bin Ertoghrul mula membina dan membentuk kerajaan pemerintahannya yang baru dengan melakukan serangan-serangan jihad terhadap sempadan negara Rom. Beliau berjaya menarik banyak kumpulan untuk menyertai serangan-serangan jihad tersebut, seperti kumpulan Ghazian Rom dan *al-Ahkyān* atau *al-Ikhwān* iaitu nisbah kepada perkataan *akhi* yang bermaksud saudara. Kumpulan-kumpulan ini memberi bantuan kepada orang-orang Islam dan menjadi tuan rumah kepada mujahidin. Kumpulan-kumpulan dengan segala institusi kewangan, kebajikan dan ketenteraannya telah bergabung dengan pemerintahan Uthman, seperti diungkapkan oleh seorang ahli sejarah Turki yang terkenal, Fu'ad Kuprili Pasha. Dengan penggabungan ini, kerajaan pemerintahan Uthmaniyah yang baru terbentuk itu mendapat kekuatan ketenteraan, kewangan dan kemasyarakatan.<sup>10</sup>

Begitu juga ramai orang Rom Byzantine yang menerima Islam di kawasan-kawasan yang dibuka oleh Uthman. Setelah usaha menyebarkan Islam di kalangan mereka dijalankan mereka dengan sukarela menerima Islam dan bergabung dengan pemerintahan Uthmaniyah. Setelah Uthman meninggal pada tahun 726 H./1326 M.

---

adalah satu republik. Sebab itu kedudukan Sultan Turki di Istanbul tidak sesuai lagi dengan susunan Turki yang baru. (Lihat Hamka. *op.cit.* hlm. 649,652.)

<sup>9</sup> Mahmūd Shākir. *op.cit.* hlm. 59, 99, 147, 148, 210, 211.

<sup>10</sup> Eeman Mohamed Abbas. 2002. *Sultan Abd Al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah, Peranan Gerakan Nasionalis dan Golongan Minoriti Kajian Sejarah dan Pemikiran dari Tahun 1876-1909 M./1293-1327H.* Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Snd. Bhd. hlm. 5-6.

maka diganti oleh anaknya Urukhan<sup>11</sup> yang telah menyempurnakan pembinaan dan penyusunan pemerintahan Uthmaniyah selepas mewarisi satu sistem pentadbiran yang kemas daripada bapanya itu. Banyak kumpulan bangsa Turki yang datang kepadanya, terutamanya selepas Urukhan membuka bahagian Barat Laut Asia Minor, bandar Ghoilobi di Pantai Yunan, pada tahun 1354 M./755 H. dan beberapa bandar yang lain.<sup>12</sup>

Kemudian Urukhan digantikan pula oleh anaknya Murad I<sup>13</sup> pada tahun 761 H./1359 M. yang meneguhkan lagi binaan pemerintahan Uthmaniyah dari sudut pentadbiran dan ketenteraan. Dalam menjalankan pentadbiran, beliau didokong oleh beberapa orang tokoh yang berpengetahuan tentang syariat Islam. Dengan itu, beliau turut mencapai kejayaan yang membanggakan. Kemudian beliau menyatukan di antara taklukan-taklukan Turki. Dalam tempoh 29 tahun, wilayah taklukannya bertambah luas hingga menjangkau lima kali ganda daripada keluasan yang ditinggalkan oleh ayahnya, Urukhan.<sup>14</sup>

Setelah syahidnya Murad I, anaknya Bayazid I<sup>15</sup> pula memegang tampuk pemerintahan. Bagindalah yang menamakan pemerintahan Uthmaniyah sebagai kerajaan Uthmaniyah. Baginda juga merupakan orang pertama yang menggunakan

---

<sup>11</sup> Urukhan bin Uthman merupakan sultan yang kedua dari kerajaan Turki Uthmaniyah ditabal menjadi sultan pada tahun 726 H./ 1326 M. meninggal pada tahun 761 H./ 1359 M. ketika berumur 83 tahun, dikebumikan di bandar Brusa dan masa kerajaannya selama 35 tahun. (Lihat Ahmad bin Zaini Dahlān. *op.cit.* hlm. 116., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 118.)

<sup>12</sup> Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 6.

<sup>13</sup> Baginda merupaka sultan yang ketiga dari kerajaan Turki Uthmaniyah, ditabal menjadi sultan pada tahun 761 H., mati syahid kerana ditikam oleh seteru pada tahun 791 H./ 1389 M., dikebumika di negeri Brusa dan masa pemerintahannya selama 31 tahun. (Lihat Ahmad bin Zaini Dahlān. *op.cit.* hlm. 118., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 119-120.)

<sup>14</sup> Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 7.

<sup>15</sup> Sulan Bayazid I merupakan sultan kerajaan Turki Uthmaniyah yang keempat, ditabalkan pada tahun 792 H. kemudian meninggal pada tahun 805 H. di negeri Tabriz dalam tawanan semasa berumur 40 tahun dan sempat memerintah selama 13 tahun. (Lihat Ahmad bin Zaini Dahlān. *op.cit.* hlm. 121., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 121.)

gelaran “*Sultan*” dari kalangan keluarga Uthmaniyah,<sup>16</sup> berusaha menyatukan Anatolia di bawah pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyah, membuka Albania, Rom, memulakan kepungan ke atas bandar Konstantinople yang pada masa itu Pope di Rom telah mempersiapkan angkatan tentera Eropah untuk menyelamatkan Konstantinople dan Eropah itu sendiri dari bahaya serangan kerajaan Turki Uthmaniyah dengan mengangkat slogan ‘Pembinaan Turki dahulu kemudian Penaklukan al-Quds’. Akhirnya tentera baginda ditakdirkan kalah kepada tentera Mongol yang dipimpin oleh Timurlane hingga baginda sendiri ditangkap dan ditawan.<sup>17</sup>

Kemudian kerajaan Turki Uthmaniyah berjaya mengembalikan kesatuan dan kekuatannya melalui pimpinan putera Sultan Bayazid I, Sultan Muhammad I<sup>18</sup> yang dianggap sebagai pengasas kedua kepada kerajaan Turki Uthmaniyah.<sup>19</sup> Beliau juga berjaya menamatkan perang saudara yang berlaku antara putera-putera Sultan Bayazid I selama sebelas tahun. Setelah berjaya menyelesaikan masalah politik

---

<sup>16</sup> Adapun tiga orang sultan sebelum ini dan datuk nenek mereka sudahpun mempunyai kuasa pemerintahan tetapi berada di bawah Sultan Saljuk yang bergelar *amīr* (pemimpin). Kerajaan ini berakhir dengan kematian *Alā’ al-Dīn* III pada tahun 1299 M./699 H. kerana diserang oleh bangsa Mongol yang menyebabkan kerajaannya berpecah belah menjadi sepuluh kerajaan kecil. Dengan ini maka *amīr* Uthman sebagaimana *amīr-amīr* yang lain pun merdeka dan mempunyai kuasa otonomi terhadap daerahnya. (Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 3-7.)

<sup>17</sup> *Ibid.* hlm. 8-10.

<sup>18</sup> Baginda merupakan putera bongsu kepada Sultan Bayazid I dan merupakan sultan yang kelima dari kerajaan Turki Uthmaniyah menurut kebanyakan pendapat ahli sejarah. Ini kerana akibat buruk yang menimpa kerajaan Turki Uthmaniyah berikutan kekalahan dan kematian Sultan Bayazid I adalah berlaku perebutan kuasa di kalangan anak-anaknya. Maka Sultan Muhammad terpaksa berkongsi kuasa dengan saudaranya, Sulaiman; Muhammad berkuasa di Anatolia sahaja sejak dari tahun 805 H./1403 M. dan Sulaiman berkuasa di Rumelia dari tahun 806 H./1403 M. hingga 813 H./1410 M. Selapas tahun 816 H./1413 M. Sultan Muhammad I mengambil alih kuasa di Rumelia setelah Sulaiman tertewas. (Lihat Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 401.) Jadi baginda menjadi sultan sepenuhnya pada masa itu juga dan meninggal pada 824 H./1421 M. masa kerajaannya selama 8 tahun 10 bulan. (Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 122.)

<sup>19</sup> Alī Hassūn. 1994. *Tārīkh al-Daulah al-Uthmāniyah wa ‘Alāqatihā al-Khārijīyah*. Lubnān: al-Maktabah al-Islāmiyy. hlm. 26-27.

dalam negeri, baginda terus memusuhi raja bangsa Tatar, negeri Sinube, negeri Izmir dan memindah ibu kota ke Adrianople.<sup>20</sup>

Baginda diganti oleh puteranya, Murad II<sup>21</sup> lalu terus mengukuhkan kerajaan Turki Uthmaniyah dan merapatkan hubungan di antara keseluruhan bahagian-bahagiannya. Pada tahun 834 H./1430 M. baginda berjaya mengembalikan kekuasaan Turki Uthmaniyah ke atas semua negeri yang pernah berada di bawah pemerintahan datuknya, Bayazid I. Kemaraan yang cepat ini telah menakutkan negara-negara Eropah, lalu mereka bersatu demi menumpaskan kerajaan Uthmaniyah, tetapi Murad II berjaya mengalahkan perikatan ini dengan memberikan kepada mereka kekalahan yang teruk pada tahun 1444 M. dan sekali lagi baginda berjaya menumpaskan perikatan mereka di bandar Kosovo pada tahun 1448 M./852 H.<sup>22</sup>

Selepas kewafatan Sultan Murad II, Sultan Muhammad II al-Fātih memegang tampuk pemerintahan pada tahun 1451 M./855 H. Baginda ialah sultan ketujuh dari dinasti Uthmaniyah dan telah mendapat kepercayaan para *ahl al-Hall wa al-'Aqd*<sup>23</sup> disebabkan memiliki kelayakan dan kepintarannya. Kemuncak kepada kekuatan ini ialah pembukaan bandar Konstantinople pada 29 Mei 1453 M. bersamaan dengan 20

---

<sup>20</sup> Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 121.

<sup>21</sup> Baginda merupakan sultan yang keenam dari kerajaan Turki Uthmaniyah, ditabal menjadi sultan pada tahun 824 H./1421 M. dan meninggal pada tahun 855 H./ 1451M. umurnya 49 tahun dan memerintah selama 31 tahun. (*Ibid.* hlm. 124.)

<sup>22</sup> Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 11.

<sup>23</sup> *Ahl al-Hall wa al-'Aqd* ialah ahli lembaga yang mampu menentukan calon yang layak dipilih dan menjadi pemimpin serta dapat mengesahkan perlantikan itu. Mereka terdiri daripada para sarjana, pemimpin-pemimpin masyarakat dan pegawai-pegawai tinggi tentera yang menjaga kepentingan umat. Mereka juga bertanggungjawab mewakili umat seluruhnya dan amanah dalam memilih orang yang layak menjadi ketua negara Islam dengan memenuhi syarat-syarat, seperti orang yang paling layak dari segi ilmu, akhlak, mampu memimpin, berpengaruh dan boleh dipatuhi perintah dan arahnya. Sekaligus mereka menjadi pemimpin bagi melindungi kepentingan umat Islam dan negaranya dan menjadi rujukan bagi menghadapi dan menyelesaikan masalah tertentu. (Lihat Abdul Hadi Awang. 2009. *Bagaimana Islam Memerintah Negara*. Cetakan pertama. Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur: BS Print Sdn. Bhd. hlm. 131-133.)

Jamadilawal 857 H. selepas mengambil tindakan bijak yang menunjukkan pengetahuan yang tinggi tentang perancangan dan taktik ketenteraan.<sup>24</sup>

Selepas pembukaan kota tersebut, Sultan Muhammad II al-Fatih menjadikan Konstantinople sebagai ibu negara kepada kerajaannya dan ditukar namanya kepada Istanbul yang bermaksud bandar Islam.<sup>25</sup> Beliau berjaya merealisasikan khabar gembira yang telah diberitakan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabda Baginda:

لَتَقْتَحَنَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ فَلَنَعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلَنَعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

Maksudnya: “Sudah pasti Konstantinople akan dibuka. Pemimpin yang paling baik ialah pemimpin yang memimpin pembukaannya dan tentera yang paling baik ialah tentera yang membukanya”.<sup>26</sup>

Pejuang-pejuang Islam telah menyedari tentang kepentingan dan kebesaran kota Konstantinople lalu mencuba beberapa kali untuk membuka bandar tersebut tetapi ia mampu mempertahankan dirinya dari serangan tentera-tentera Islam dan tidak berjaya hingga ke zaman beliau.<sup>27</sup> Seorang ahli sejarah Austria, Fun Hamer berkata: “Bandar Konstantinople telah dikepung sebanyak dua puluh sembilan kali semenjak penubuhannya”.<sup>28</sup>

Selapas mendapat kemenangan yang besar melalui pembukaan tersebut, Sultan Muhammad II al-Fatih telah menyebarkan berita gembira tentang pembukaan tersebut dan perlaksanaan ramalan gembira yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. kepada seluruh umat Islam di dunia melalui perutusan surat-surat ke Mesir, Madinah, Makkah, serta bandar yang lain. Baginda juga telah menghantar hadiah

<sup>24</sup> Mahmūd Shākir. *op.cit.* hlm. 87-88., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 79.

<sup>25</sup> Mahmūd Shākir. *op.cit.* hlm. 88.

<sup>26</sup> Hadis riwayat Al-Imam Ahmad bin Hanbal daripada Bishr al-Khath'ami, No. 18189 (Lihat Ahmad bin Hanbal. 1978. *Musnad al-Imam bin Ahmad wa bihāshimihi Muntakhab Kanz al-Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl*. Al-Juz 4. al-Ṭab'ah al-Thānīyah. hlm. 335.) dan al-Hākim, No. 8300. (Lihat Abu 'Abdillah al-Hākim al-Naisābūr (Tahqīq Muṣṭafa Abd. Al-Qādir 'Atā). 1990. *Al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīhain*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah. hlm. 372.) Seterusnya pengkaji akan mengguna nombor hadis kerana pada masa kini ulama hadis sudah meletak nombor bagi setiap hadis.

<sup>27</sup> Salim al-Rashīdī. *op.cit.* hlm. 55.

<sup>28</sup> Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 13.

yang didapati dari harta rampasan perang kepada penduduk dua tanah haram (Makkah dan Madinah) dan memohon mereka mendoakan kebaikan baginya.<sup>29</sup>

Selepas kejatuhan Konstantinople yang merupakan pusat aliran Ortodoks<sup>30</sup> dunia, Moscow pula mengambil alih kedudukannya dengan melancarkan beberapa siri serangan penghapusan terhadap Mongol yang terletak di kawasan Asia Tengah dan Timur Eropah, serta kerajaan Turki Uthmaniyah dengan anggapan bahawa negara Mongol dan kerajaan Uthmaniyah berada di bawah ikatan satu akidah iaitu Islam dan berbahasa Turki.<sup>31</sup>

Sepanjang tiga puluh tahun memerintah, baginda mengetuai sendiri tenteranya di dalam 25 serangan. Baginda meluaskan sempadan negara dari hanya 600 kilometer persegi pada permulaan pemerintahannya kepada keluasan 2,214,000 kilometer persegi. Matlamat baginda dari perluasan daratan negaranya adalah untuk menembusi Eropah dan menyelamatkan umat Islam di Andalus dari cengkaman penindasan orang-orang Kristian.<sup>32</sup>

Sultan Muhammad II al-Fatih juga telah melakukan banyak pembangunan. Baginda amat mengambil berat terhadap pelajaran dan pendidikan. Baginda sendiri menyusun pentadbiran negara yang berkaitan dengan urusan luar dan dalam negara. Kepada bagindalah dinisbahkan penyusunan negara menggunakan sistem baru yang

---

<sup>29</sup> *Ibid.* hlm. 14.

<sup>30</sup> Ortodoks merupakan suatu istilah Masihi yang memberi maksud 'pegangan yang betul'. Ia digunakan pertama kali dalam salah satu majalah Jerman pada tahun 1795 M. untuk orang-orang Yahudi yang berpegang teguh kepada agama. Kemudian, nama ini digunakan untuk agama Yahudi pada awal kurun ke-19. (Lihat 'Abd al-Wahhāb al-Masīrī. 1999. *Mausū'ah al-Yahūd wa al-Yahūdiyyah wa al-Sayūniyah*. Al-Juz al-Khāmis. Al-Qāhirah; Dār al-Sharq. hlm. 317.)

<sup>31</sup> Muhammad Fath Allah al-Zubaidy. 1995. *Intiṣār al-Islām*. Dār Qutaibah li al-Nashr wa al-Tawzī'. Cetakan I. Lubnān. hlm. 94-97.

<sup>32</sup> Nabīl Ridwān. 1988. *Juhūd al-Uthmāniyah li Inqāz al-Andalus wa Istirdādih*. Cetakan I. Makkah al-Mukarramah. Maktabat al-Tālib al-Jāmi'i. hlm. 26.



dinamakan sebagai *al-Bāb al-‘Āli*.<sup>33</sup> Baginda juga menyusun pentadbiran, ketenteraan, politik, dan pembangunan.<sup>34</sup>

Ekoran dari pembukaan yang dilakukan oleh orang-orang Islam terhadap bandar Konstantinople dan beberapa bandar lain di Eropah serta kelahiran penguasaan dan kedaulatan kerajaan Uthmaniyah di Laut Mediterranean, Laut Merah dan lainnya, menyebabkan bangkitnya semangat penentangan terhadap orang-orang Islam, terutamanya selepas kejatuhan Andalus. Orang-orang Eropah mendorong tentera-tentera mereka agar menguasai dan menawan negara-negara Islam demi mendapat keredaan daripada paderi-paderi. Oleh itu, Portugis telah berjanji untuk menjajah dan menakluk bahagian barat Afrika untuk mereka sampai akhirnya ke Makkah dan Madinah, seterusnya sampai ke bandar al-Quds, kemudian melaksanakan satu perancangan menyeluruh bagi menghapuskan Islam sama sekali.<sup>35</sup>

Manakala negara Kristian yang lain mula melaksanakan perancangan untuk menguasai dan menjajah dunia Islam di Asia Tengah hingga sampai ke Asia Barat yang terdiri dari negara-negara Arab. Demikian juga serangan dan penjajahan turut berlaku di negara-negara India dan Asia Tenggara (Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand). Umat Islam di sana telah menemui berbagai halangan akibat penjajahan yang dilakukan oleh Portugis, Belanda, Sepanyol dan Inggeris.<sup>36</sup>

---

<sup>33</sup> Satu nama yang digunakan pada zaman pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyah terhadap pejabat perdana menteri dan kementerian-kementerian *daulah* Uthmaniyah di Istanbul, bermula pada tahun 1130 H./1718M. (Lihat Muṣṭafa Abdul Karīm. 1996. *Mu’jam al-Muṣṭalahāt wa al-Alqāb al-Tarikhīyah*. Al-Ṭab’ah al-Ūla. Beirut: Mu’assat al-Risālah. hlm. 62.)

<sup>34</sup> Jamal Abd al-Hadi & Wafa’ Muhammad Rif’ah. 1995. *Al-Daulah al-Uthmāniyah*. jil. I. *Kāhirah. Dār al-Wafā’*. hlm. 42-49.

<sup>35</sup> Nabīl Ridwān. *op.cit.* hlm. 113-115.

<sup>36</sup> Yusuf al-Thaqafyy. 1996. *Mauqif Urubba min al-Daulah al-Uthmāniyah*. Cetakan I. Maktabat al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah. Riyāḍ. Arab Saudi. hlm. 38-40.

Sultan Sulaiman *al-Qānūni*<sup>37</sup> memegang tampuk pemerintahan antara tahun 1520-1566 M (926-973 H). Tempoh pemerintahan baginda merupakan tempoh terpanjang dalam sejarah kerajaan Turki Uthmaniyah iaitu selama 48 tahun. Pada masa ini juga, kerajaan tersebut mencapai kemuncak kekuasaan. Baginda meneruskan jihad hingga sampai ke Eropah, dan menyebabkan pembesar-pembesar di Bosnia memeluk Islam dan negara mereka menjadi sebahagian dari kerajaan Turki Uthmaniyah. Baginda juga membuka Iraq dan mengembalikan pembukaan Iran. Negaranya menjadi luas hingga mencakupi wilayah al-Ashā' yang menganjur ke teluk Arab dan sebahagian dari Emiriyah Arab Bersatu yang berada di teluk Arab dan juga Eden serta Yaman pada tahun 1547 M/954 H.<sup>38</sup>

Setelah berjaya mengekalkan kemaraan selama tiga kurun (kurun ke 13-15) kerajaan Turki Uthmaniyah mula mengalami kelemahan pada masa pemerintahan Muhammad III<sup>39</sup> (1596 M./1003 H.). Baginda pada ketika itu berumur lebih kurang empat belas tahun. Banyak gerakan yang bertujuan untuk memisahkan diri dari kerajaan Turki Uthmaniyah. Pada abad keenam belas Masihi dan selepasnya, banyak berlaku pemeteraian perjanjian dengan negara-negara Eropah. Hasilnya

---

<sup>37</sup> Sultan Sulaiman bin Sultan Salim I, merupakan sultan yang kesepuluh dari kerajaan Turki Uthmaniyah, dilahirkan pada bulan Syaaban 900 H./April 1494 M. Baginda manaiki takhta pada tahun 926H./1520 M., meninggal pada tahun 974 H./1566 M., berumur 74 tahun dan masa pemerintahannya 48 tahun. Baginda digelar dengan *al-Qānūni* kerana mencapai kejayaan berpunca dari sistem politik yang teratur berdasarkan suatu peraturan atau perlembagaan (*Qānun*) yang digubal oleh Baginda sendiri. *Qānūn* ini membicarakan tentang organisasi ketenteraan, undang-undang harta, polis dan undang-undang tanah. (Lihat Muhammad Farīd bin Ahmad Farīd. 1977. *Tārīkh Al-Daulah Al-'Aliyah Al-'Uthmāniyah. Al-Ṭab'ah al-Thāniyah*. Beirut: Dār al-Jīl. hlm. 79., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. 1958. *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn*. hlm. 133., Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. 1993. hlm. 413.)

<sup>38</sup> Ahmad Abdul Rahīm Muṣṭafa. 1986. *Fī Usūl al-Tārīkh al-Uthmāniyah*. Cetakan II. Beirut: Dār al-Sharq. hlm. 98-99.

<sup>39</sup> Sultan Muhammad III bin Sultan Murad III, dilahirkan pada 7 Zulkaedah 974 H bersamaan 16 Mei 1566 M., merupakan sultan yang ketiga belas dari kerajaan Turki Uthmaniyah. Baginda ditabal pada tahun 1003 H./1595 M., meninggal pada tahun 1012 H./1603 M. berumur 39 tahun dan memerintah selama 9 tahun 2 bulan. (Lihat Muhammad Farīd bin Ahmad Farīd. *op.cit.* hlm. 117., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 138., Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. *op.cit.* hlm. 420.)

menyebabkan kerajaan Turki Uthmaniyah banyak diresapi oleh kerosakan dan permasalahan dalaman yang menyebabkan kerajaan menjadi lemah.<sup>40</sup>

Negara-negara Eropah juga berlumba-lumba sesama sendiri untuk merampas kembali mana-mana bahagian negeri mereka yang ditakluk oleh kerajaan Turki Uthmaniyah sebelum ini. Di samping itu juga, pasukan *al-Inkishāriyah*<sup>41</sup> (Janissari) mula menjadi lemah dan telah dijangkiti oleh kelemahan pentadbiran dan kemunduran dari sudut ketenteraan. Mereka juga telah banyak melakukan pemberontakan menentang sultan dan perdana menterinya.<sup>42</sup>

Permasalahan Timur mula muncul ketika kerajaan Turki Uthmaniyah mengalami kelemahan. Dalam masa yang sama, Eropah dan Rusia sedang pesat membangun dengan perkembangan ilmu moden serta persepakatan yang berlaku di antara negara-negara tersebut bagi menentang kerajaan Turki Uthmaniyah yang merupakan pemimpin kepada Dunia Islam. Apabila kerajaan Turki Uthmaniyah dapat dihapuskan maka bahagian-bahagian Dunia Islam yang lain dengan mudah dapat dipecahkan-pecahkan dan dibahagi-bahagikan di antara negara-negara Eropah dan Rusia.<sup>43</sup>

Lalu mereka telah mengisytiharkan perang suci bagi menguasai bumi-bumi yang berada di bawah penguasaan kerajaan Turki Uthmaniyah seperti Tunisia, Algeria, Libya dan Mesir. Namun kerajaan Turki Uthmaniyah tetap berjaya

---

<sup>40</sup> Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 30-31.

<sup>41</sup> Tentera baru dalam kerajaan Turki Uthmaniyah yang diasaskan oleh Sultan Arukhan/Orkhan pada tahun 730 H./1330 M. Baginda memilih pemuda-pemuda Eropah yang memeluk Islam dan mengajar asas agama kepada mereka. Kemudian ditempatkan mereka di khemah askar serta melatih cara berperang. Pada zaman pemerintahan Sultan Sulaiman al-Qānūni jumlah mereka itu mencapai setengah juta. Kemudian pada kurun keenam belas dan kurun ketujuh belas mereka menjadi penghalang kepada kerajaan, membuat fitnah hingga berlaku perang saudara berkali-kali akhirnya dihapuskan oleh Sultan Mahmud II pada tahun 1242 H./1826 M. (Lihat Muṣṭafa Abdul Karīm. *op.cit.* hlm. 50., Ibrina Bitrusian. 2006. *al-Inkishāriyyūn fī al-Ambruṭūriyyah al-Uthmāniyah.* Dubai. hlm. 16. dan Alī Hassūn. *op.cit.* hlm. 106) Perkataan "*al-Inkishāriyah*" adalah mengikut ejaan dalam bahasa Arab sementara dalam bahasa Inggeris ditulis "Janissary" yang berasal dari bahasa Turki "*Yeniceri*". Selepas ini akan disebut "Janissari" bagi merujuk kepada perkataan ini.

<sup>42</sup> Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 30-32.

<sup>43</sup> *Ibid.* hlm. 35-36.

menghalang serangan yang dilakukan oleh Rusia dan Austria pada tahun 1737 M./1150 H. dengan penuh keberanian sehingga berjaya menghalang mereka sampai ke Laut Merah yang merupakan laut yang dikuasai oleh pihak Islam.<sup>44</sup>

Zaman pembaharuan (*al-Tanzīmāt*<sup>45</sup>) bermula pada pemerintahan Sultan Mahmud II<sup>46</sup> yang memerintah antara tahun 1807-1839 M. (1223-1255 H.). Baginda memiliki keperibadian yang kuat, sabar dan berani. Baginda melakukan banyak perubahan di seluruh wilayah yang dikuasai oleh kerajaan Turki Uthmaniyah. Setiap tahun pemerintahannya menyaksikan kekacauan, namun dengan sebab ketinggian, kepintaran dan keberaniannya baginda dapat mengatasinya dengan mudah.<sup>47</sup>

Baginda mengadakan beberapa pertemuan dengan para pembesar negara dan mencadangkan kepada mereka agar pasukan Janissari disusun semula mengikut cara moden. Tetapi pasukan Janissari memberontak dan menolak cadangan tersebut, lalu mereka mengisytiharkan penderhakaan. Oleh itu baginda terpaksa mengepung dan menghapuskan penderhakaan mereka. Baginda juga memasukkan sistem ketenteraan Eropah ke dalam kerajaan Uthmaniyah dengan melakukan perubahan pada

---

<sup>44</sup> *Ibid.* hlm. 35-37.

<sup>45</sup> Satu istilah politik dan pentadbiran yang diguna oleh Sultan Abdul Majid I bin Sultan Mahmud II pada tahun 1255H./1839M. yang merangkumi beberapa istilah yang dicituskan oleh Sultan Mahmud II, yang berhasrat untuk memperbaharukan peraturan-peraturan pentadbiran negara mengikut cara Barat, kemudian dilaksanakan oleh para wazir yang diketuai oleh Mustafa Rashid Pasha zaman pemerintahan Sultan Abdul Majid I bin Sultan Mahmud II kerana pada masa itu baginda masih brumur 16 tahun. Antara isi pembaharuan ialah; 1) Mengadakan jaminan bagi keamanan rakyat dari segi kemuliaan, harta benda dan jiwa raga rakyat dan penghukuman mesti dibuat secara terbuka dan sesuai dengan undang-undang. 2) Mengadakan peraturan tetap bagi pembayaran cukai. 3) Mengadakan peraturan tetap bagi tentera yang mana tidak berkekalan sepanjang hidup malah dalam tempoh antara 4 dan 5 tahun sahaja. 4) Persamaan hak dan kewajiban antara orang-orang muslim dan bukan Islam. (Lihat Zain al-Abidin Shams al-Din Najm. 2010. *Tarikh al-Daulah al-'Uthmaniyyah*. Al-Tab'ah al-'Ulā. Ummān: Dār al- Masīrah li al-Nashr wa al-Tauzī'. hlm. 308-309., Muṣṭafa Abdul Karīm. *op.cit.* hlm. 164., Dan Hasan Ni'matullah. 2001. *Ringkasan Sejarah Kerajaan Bani Uthman Turki*. Penggal 2. Cetakan Pertama. hlm. 69.)

<sup>46</sup> Sultan Mahmud II bin Sultan Abdul Hamid I, dilahirkan pada 13 Ramadhan 1199 H./1785 M., Merupakan sultan yang ketiga puluh dari kerajaan Turki Uthmaniyah, ditabalkan pada tahun 1223 H./M. setelah Sultan Mustafa IV dilucut dari takhta kerajaan. Baginda meninggal pada tahun 1255 H./1808 M. Dan memerintah 32 tahun. (Lihat Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 154. Hasan Ni'matullah. *op.cit.* hlm. 60, Ahmad bin Zaini Dahlān. *op.cit.* hlm. 116. hlm. 274, 283.)

<sup>47</sup> Alī Hassūn. *op.cit.* hlm. 162.

pakaiannya. Baginda juga berpakaian dengan pakaian tentera dan menukarkan serban dengan memakai topi *tarbus*.<sup>48</sup>

Selepas menghapuskan pasukan tentera Janissari pada tahun 1824 M. (1241 H.) kerajaan Turki Uthmaniyah mengharungi peperangan-peperangan yang sengit di beberapa garisan depan Eropah, tetapi telah berlaku perdamaian dengan Rusia setelah diadakan perjanjian Bukharest pada tahun 1811 M. (1228 H.). Beberapa pemberontakan juga berlaku di Hungary, Austria, Serbia dan lain-lain disebabkan oleh hasutan beberapa negara besar.<sup>49</sup>

Dalam situasi yang sukar ini, muncul satu lagi cabaran yang sukar dari tengah Semenanjung Tanah Arab bagi menentang kerajaan Turki Uthmaniyah, iaitu gerakan atau seruan *al-Wahhābiyah*.<sup>50</sup> Pengasasnya ialah Muhammad bin Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya cuba melakukan seruan agar umat Islam kembali semula kepada Islam dan mereka mengingkari setiap perkara yang berkaitan dengan *bid'ah* (pembaruan dalam agama Islam khususnya mengenai masalah ibadat, ada yang diterima dan ada yang bercanggah dengan agama Islam) dan *khurafat* (kepercayaan yang karut, dongeng dan tahyul). Mereka telah melancarkan beberapa serangan

---

<sup>48</sup> *Ibid.* hlm. 164.

<sup>49</sup> *Ibid.* hlm. 163-164.

<sup>50</sup> *Al-Wahhābiyah* ialah satu nama yang diberi oleh penentang-penentang Muhammad bin Abdul Wahab (1206 H./1797 M.). Beliau adalah salah seorang tokoh kemajuan Islam dan reformasi moden, yang menyeru supaya berpegang kepada akidah yang betul dan menjauhi dari segala *bid'ah* (rekaan yang berbentuk ibadat dalam Islam). (Lihat Mustafa Abdul Karim. *op.cit.* hlm. 444.) Menurut Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani kaum *Wahhābiyah* adalah satu kaum yang mempunyai mazhab yang jahat, jalan yang sesat, pegangan yang *mudarat* (rosak) yang mana mereka menyeru satu mazhab yang keji yang reka oleh Muhammad bin Abdul Wahhab yang berasal dari *Bani Tamīm*, belajar di *al-Madīnah al-Munawwarah*. Beliau membuat mazhab bagi dirinya yang sesat, menyalahi imam-imam dalam Islam, menyesatkan orang-orang *jahil*, mengkufuri mereka yang tidak mengikut mazhabnya, mensyirikkan mereka yang menziarahi kubur Nabi s.a.w. dan lain-lain. (Lihat Ahmad bin Zaini Dahlān. *op.cit.* hlm. 299., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 150-151.) Riwayat hidup beliau berbeza dan berlawanan antara pengikut mazhab *salaf* dan mazhab *khalaf*. Mazhab *salaf* menyifatkan beliau sebagai seorang tokoh kemajuan Islam dan reformasi moden sementara mazhab *khalaf*, mereka berpendapat bahawa ia adalah seorang yang sesat dan menyesatkan orang lain.

terhadap Iraq dan Utara Hijaz yang menyebabkan ancaman terhadap kerajaan Turki Uthmaniyah.<sup>51</sup>

Pada zaman kejatuhan dan kemunduran, iaitu antara tahun 974-1328 H./1566-1910 M.) kerajaan Turki Uthmaniyah menerima kemunculan beberapa orang sultan yang berperibadi kuat dan teguh, tetapi keadaan itu tidak memberikan apa-apa kesan kepada kerajaan kerana bahaya dalaman dan luaran yang dihadapi olehnya sudah terlalu kronik. Kemunculan mereka juga turut menjejaskan sistem pentadbiran, ekonomi dan ketenteraan dalam kerajaan Turki Uthmaniyah. Satu fenomena penyakit juga telah muncul pada zaman itu ialah ‘mengikut Barat’ dan menuruti segala pendekatan yang digunakannya.<sup>52</sup>

Pengaruh Yahudi terutama Yahudi *al-Dunamah*<sup>53</sup> bertambah kuat. Mereka menggunakan berbagai parti untuk mencapai matlamat mereka iaitu mendapatkan Palestin. Orang-orang Yahudi juga menggunakan orang-orang Kristian dan sesetengah golongan *munāfiq* dari kalangan Arab, Turki dan lain-lain demi mencapai matlamat mereka. Dengan sebab itu, mereka menurunkan Sultan Abdul Hamid II<sup>54</sup> dari takhta pemerintahan pada tahun 1909 M. (1328 H.)<sup>55</sup> kerana baginda tidak

---

<sup>51</sup> Mahmūd Shākir. 2000. *al-Tārikh al-Islāmiy*. jil. 8. Al-Ṭab’ah al-Rābi’ah. Beirut: al-Maktab al-Islāmiy. hlm. 163-164.

<sup>52</sup> *Ibid.* 44.

<sup>53</sup> Satu perkataan berasal dari bahasa Turki (Donme) bermaksud satu kumpulan Yahudi yang hidup di penghujung pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyah yang berpura-pura memeluk Islam. Ia diasaskan pada tahun 1676 M. berpusat di Salonika, ekoran dari terhalanya orang Yahudi dari Asbania. Sejak dari awal, mereka menzahirkan akidah Islam tetapi mereka masih berpegang kepada pegangan-pegangan Yahudi. Persatuan *al-Ittihād wa al-Taraqqi* yang diperkenalkan pada akhir zaman kerajaan Turki Uthmaniyah dianggap sebagai usaha mereka bagi menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniyah dan mengganti dengan Republik Turki. (Lihat Muṣṭafa Abdul Karīm. *op.cit.* hlm. 188.)

<sup>54</sup> Sultan Abdul Hamid II bin Sultan Abdul Majid dilahirkan pada tahun 1259 H./1843 M. dari isteri kedua bagi Sultan Abdul Majid. Baginda ditabal menjadi sultan pada 18 Syaaban 1293 H. bersamaan 6 September 1876 M. ketika berumur 34 tahun. Pada 7 Rabiulawal tahun 1327 H. bersamaan tahun 1909 M., baginda dipecat kerana tidak membenarkan orang-orang Yaudi mendiami bandar Palestin sebagaimana diminta oleh dua tokoh orang Yahudi iaitu Amanuil (Emanuel) Qara Su dan Doktor Hertzell dan baginda meninggal pada tahun 1337 H./1918 M. berusia 78 tahun zaman pemerintahan Sultan Muammad V. (Lihat Ahmad bin Zaini Dahlān. *op.cit.* hlm. 290., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 156., lihat juga Hasan Ni’matullah. *op.cit.* hlm.79, 86.)

<sup>55</sup> Mahmūd Shākir. *op.cit.* hlm. 44-45.

mengizinkan mereka menduduki Palestin sekalipun berbagai tawaran yang diajukan seperti membayar hutang negara berjumlah lebih kurang 190 juta Lira Turki, membina universiti di al-Quds yang membolehkan pelajar-pelajar di dalam kerajaan Turki Uthmaniyah menuntut di situ dengan tidak perlu lagi keluar ke Eropah tetapi baginda menolak cadangan itu.<sup>56</sup>

Selepas baginda, khalifah tidak berfungsi lagi kecuali namanya sahaja dan kuasanya terhad, malah terpaksa menyokong pelaksanaan perlembagaan yang dicadangkan oleh Turki Muda.<sup>57</sup> Selepas itu bermulalah zaman baru yang berbeza, iaitu zaman pemerintahan oleh parti *al-Ittihād wa al-Taraqqi*<sup>58</sup> dan golongan *al-Kamāliyyūn*.<sup>59</sup>

---

<sup>56</sup> Mahmūd Shākir. *op.cit.* hlm. 149-150. Alī Hassūn. *op.cit.* hlm. 52-54.

<sup>57</sup> Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. *op.cit.* hlm. 441.

<sup>58</sup> Parti *al-Ittihād wa al-Taraqqi* merupakan persatuan sulit yang muncul dari kalangan pelajar-pelajar sekolah tentera di Istanbul pada tahun 1889 M. di mana terdapat beberapa orang juru latihan mendesak pelajar-pelajar supaya menentang kerajaan Turki Uthmaniyah dan menyebarkan pemikiran Turki Muda. Hubungan sulit ini diteruskan antara anggota-anggota persatuan Kesatuan Uthmani di dalam dan di luar negeri yang bersepatat atas satu matlamat iaitu melawan sultan dan mendirikan sebuah negara yang sesuai dengan asas politik baru yang diambil dari negara-negara Eropah seperti Inggeris, Perancis, Jerman dan sebagainya yang mengguna sistem demokrasi. Antara tahun 1901-1906 M. Parti Turki Muda tersebar di Kaherah dan Istanbul, Persatuan *al-Watan al-Hurriyah* yang antaranya diketuai oleh Mustafa Kamal di Damsyik dan Persatuan *al-Hurriyah al-Uthmaniyah* di Salonika. Pada bulan September tahun 1907 M. mereka bersepatat menamakan persatuan mereka dengan '*Al- Ittihād wa al-Taraqqi*'. (Lihat Zain al-Abidīn Shams al-Dīn Najm. *op.cit.* hlm. 390-391.) Pada 26 April, satu perhimpunan rakyat diadakan di San Stafano. Ia disokong oleh fatwa *Syeikh Islam*, memutus supaya Sultan Abdul Hamid II dipecat dan tempatnya diganti oleh saudaranya, Muhammad V. Sultan Muhammad V tidak ada kuasa lagi malah baginda menyokong pelaksanaan perlembagaan yang dicadangkan oleh Turki Muda. Kuasa baginda makin terhad, khususnya selapas kenaikan Parti *Al- Ittihād wa al-Taraqqi* pada bulan Januari 1913 M. (Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. *op.cit.* hlm. 441.) Ramai dari kalangan para pemikir dunia menegaskan bahawa *al-Ittihād wa al-Taraqqi* adalah hasil pemikiran puak Yahudi terutamanya puak *al-Dunamah*. Tidak ada seorang pun daripada para pemimpin *al-Ittihād wa al-Taraqqi* yang berbangsa Turki. Sebagai contoh, Anwar Pasha adalah anak kepada seorang lelaki berbangsa Poland yang telah murtad. Jawid pula daripada Yahudi puak *al-Dumanah*. Qara Su adalah orang Yahudi Safardimi di wilayah Salonika dan lain-lain. (Lihat Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 311.)

<sup>59</sup> Dinisbah kepada Mustafa Kamal Atatürk (bapa kaum Turki). Ia memerintah Turki sebagai presidennya yang pertama bermula pada 29 Oktober 1923 M. berdasarkan pengisytiharan Majlis Kebangsaan Turki yang pada waktu itu. Pada masa yang sama, institusi sultan masih dikekalkan di bawah Sultan Abdul Majid II. Kemudian pada 13 Mac 1924 M. institusi sultan secara rasminya dimansuhkan, maka Sultan Abdul Majid II pun meninggal Istanbul dengan sebuah kapal British. Sejak itu, negara Turki dipindahkan dari Istanbul ke Ankara. (Lihat Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. *op.cit.* hlm. 441. dan Zain al-Abidīn Shams al-Dīn Najm. *op.cit.* hlm. 419.)

Zaman pemerintahan tersebut di atas merupakan zaman kezaliman dan bermaharajalela serta usaha menTurkikan segala elemen bukan Turki yang ada di dalam negara. Ini ialah polisi yang tidak pernah dilaksanakan oleh kerajaan Turki Uthmaniyah sebelum itu sepanjang sejarahnya kerana ia bukan satu kerajaan yang berbentuk perkauman dan bangsa.<sup>60</sup>

Kebetulan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani hidup di penghujung pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyah yang mana beliau hidup pada masa pemerintahan empat orang sultan, iaitu di akhir pemerintahan Sultan Abdul Majid I<sup>61</sup> bin Sultan Mahmud II, Sultan Abdul Aziz bin Sultan Mahmud II,<sup>62</sup> Sultan Murad V bin Sultan Abdul Majid I<sup>63</sup> dan Sultan Abdul Hamid II bin Sultan Mahmud II. Mereka memerintah kerajaan Uthmaniyah dalam tempoh kemunduran yang bermula pada tahun 1255 H. (1839 M.) hingga 1342 H. (1923 M.).

Pada abad ke 19-20, ulama Patani<sup>64</sup> telah banyak menghasilkan karya ilmiah dalam berbagai bidang terutama dalam bidang keagamaan yang terkenal di seluruh

---

<sup>60</sup> Eeman Mohamed Abbas. *op.cit.* hlm. 44-45. Mahmūd Shākir. *op.cit.* jil. 8. hlm. 149-150.

<sup>61</sup> Sultan Abdul Majid bin Sultan Muhammad II ialah sultan ketiga puluh satu dari kerajaan Uthmaniyah. Baginda dilahirkan pada 14 Syaaban 1237 H (1821M). Baginda ditabal menjadi sultan pada tahun 1255 H (1839 M.) dalam usia 18 tahun. Meninggal dunia pada 17 Zulhijah 1277 H (1860 M) dalam usia 40 tahun dan memerintah selama 22 tahun. (Lihat Muhammad Farīd bin Ahmad Farīd. *op.cit.* hlm. 237., dan Hasan Ni'matullah. *op.cit.* hlm. 68-71.)

<sup>62</sup> Sultan Abdul Aziz bin Sultan Mahmud II merupakan sultan yang ketiga puluh dua dari kerajaan Turki Uthmaniyah. Baginda dilahirkan pada 14 Syaaban 1245 H. bersamaan dengan tahun 1830 M. Baginda ditabalkan pada tahun 1277 H./1861 M. kemudian dipecat pada tahun 1293 H./1876 M. (Lihat Muhammad Farīd bin Ahmad Farīd. *op.cit.* hlm. 287., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 155., Dan Hasan Ni'matullah. *op.cit.* hlm. 74.)

<sup>63</sup> Sultan Murad V bin Sultan Abdul Majid I dilahirkan pada 25 Rejab 1256 H./9 September 1840 M., merupakan sultan yang ketiga puluh tiga dari kerajaan Turki Uthmaniyah. Baginda ditabalkan menjadi sultan pada hari Rabu 7 Jamadilawal tahun 1293 H./1876 M. dan dipecat pada tahun itu juga kerana dihidapi penyakit akal setelah memerintah selama 3 bulan 3 hari. (Lihat Muhammad Farīd bin Ahmad Farīd. *op.cit.* hlm. 324-325., Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 156., Dan Hasan Ni'matullah. *op.cit.* hlm. 77,78.)

<sup>64</sup> Perkataan 'Patani' dengan satu 't' yang diguna dalam kajian ini adalah dimaksudkan dengan sebuah negeri yang sempadannya meliputi wilayah-wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian dari wilayah Songkla, iaitu daerah Sebayoi, Thipha, Natawi dan Chana. Kawasan yang luas ini merujuk kepada masa Patani belum lagi jatuh ke dalam kekuasaan Thai sepenuhnya pada tahun 1902 M. Adapun perkataan 'Pattani' dengan dua 'tt' maka dirujuk kepada satu wilayah di selatan Thailand dari definasi sekarang, iaitu kawasannya lebih kecil dari Patani yang dikehendaki dalam kajian ini. (Numan Hayimasa. 2002. *Haji Sulong Abdulqadir (1895-1954) Perjuangan dan Sumbangan Beliau Kepada Masyarakat Melayu Patani.* Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, hlm. 26-27., Abdullah Hayeesaid. 2002. *Gerakan Ishlah di Patani*



Asia tenggara ini. Kajian ini membincangkan tentang pemikiran sejarah Turki Uthmaniyah yang ditulis oleh seorang tokoh yang terkemuka di Patani Dār al-Salām dan di alam Melayu serantau ini iaitu Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (pada abad ke 19-20 iaitu antara tahun 1856-1908 M.). Beliau adalah salah seorang ulama Patani yang berperanan dan terkemuka di Tanah Melayu selain daripada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani.<sup>65</sup>

Beliau merupakan seorang cendekiawan yang gigih. Ini jelas terbukti dengan terhasilnya buku-buku yang mencakupi dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Beliau merupakan orang yang kedua yang paling banyak menghasilkan buku di kalangan ulama Patani selepas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Buku-buku yang dihasilkan itu ada yang berbahasa Arab dan juga dalam bahasa Melayu.<sup>66</sup>

Beliaulah ulama Melayu yang mula-mula belajar ilmu perubatan, dibimbing oleh *al-Syeikh al-Ṭabīb Abdul Rahīm al-Kābūli*, seorang pakar perubatan yang berasal dari benua kecil India. Buku *Luqṭat al-‘Ajlān* ialah karya sulung beliau dalam bahasa Melayu mengenai ilmu perubatan dan perdukunan.<sup>67</sup>

---

(1970-1990) *Kajian Sejarah Perkembangan dan Pemikirannya*. Tesis Sarjana Sastera. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. hlm. 19., dan Worawit Baru. 1993. "Patani dalam Konteks Dunia Melayu", dalam *Dunia Melayu*, Mohd Yusuf Hasan (ed), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 56.)

<sup>65</sup> Nama lengkapnya ialah al-‘Ālim al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbāni Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris (Wan Senik) al-Fatani. (H.W.M. Shaghir Abdullah, 1990. *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi. hlm. 9.) Dilahirkan di Keresik, sebuah desa di Patani yang terletak di tepi pantai. (*Ibid.* hlm. 20.) pada tahun 1133 H./1720 M. atau 1153 H./1740 M. Menurut Haji Wan Muhammad Shaghir beliau berpendapat bahawa tarikh lahirnya ialah pada tahun 1133 H./1720 M. Ini kerana berdasarkan penemuan tulisan Haji Abdul Hamid Abdul Qadir yang mengatakan: "Dan sangat mostajab do'anya dan panjang umurnya kadar 166 tahun. Iaitu mati pada masa Sultan Syarif Muhammad Arsyad Khan al-Abbasi 1297 H." Kemudian beliau mengatakan sekiranya angka 1297 ditolak dengan 166 maka hasilnya 1131 yang berbeza hanya 2 tahun sahaja. (Munady Haji Daud, 2005. *Syeikh Daud al-Fatani: His Biography, Works and Influences in Educational System of Pondok in Kelantan, Malaysia During 1945-2005*. M.A Thesis, Prince of Songkla University, Pattani Campus. hlm. 22.)

<sup>66</sup> Muhammad Lazim Lawi. 2005. *Sejarah dan Perkembangan Agama Anutan Masyarakat Melayu Patani*. Yala. Pusat Kebudayaan Islam-Kolej Islam Yala. hlm. 107.

<sup>67</sup> Ahmad Fathy. *op.cit.* hlm. 59.

Selain itu, beliau juga terkenal sebagai “Harimau Makkah” kerana dapat mengupas untaian syair- syair Arab lama setanding dengan kebolehan jaguh-jaguh penulis Arab sendiri dan mampu mengarang dalam bahasa Arab setajam mata pena ulama keturunan Arab. Beliau juga merupakan *pentashih* atau peneliti kitab-kitab Melayu yang paling awal di percetakan-percetakan Mesir, Makkah dan Istanbul. Selanjutnya, beliau merupakan tokoh ilmuwan yang dapat mentakrif serta mengajar sejumlah 47 jenis ilmu, sama ada ilmu-ilmu keagamaan mahupun ilmu-ilmu keduniaan.<sup>68</sup>

Beliau berperanan penting dalam pembangunan tamadun Islam serantau khususnya di tanah air Patani. Di samping bergiat dalam mengajar ilmu-ilmu agama, beliau juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan ilmu pengetahuan melalui tulisan-tulisan. Beliau menulis buku-buku, menterjemah buku-buku dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu Jawi serta *mentashih* buku-buku karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1769-1847 M.). Beliaulah sebagai orang pertama yang memperkenalkan berbagai kitab karya ulama terdahulu melalui pentashihan, penerbitan dan menyebarkannya di seluruh pelosok dunia Melayu melalui percetakan di negeri Makkah, Mesir dan Bombay yang merupakan asas kesinambungan cetakan-cetakan kitab Melayu Jawi di Asia Tenggara kemudiannya sampai ke masa kini.<sup>69</sup>

Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani meninggal pada malam Rabu tanggal 11 Zulhijah 1325 H. bersamaan 14 Januari 1908 M. di Mina. Jenazah almarhum dikebumikan di perkuburan Ma'ala, Makkah. Seminggu kemudian (21 Januari 1908 M.), ayahnya pula ikut pulang ke rahmatullah. Hasil perkongsian hidupnya dengan anak saudara Syeikh Nik Mat Kecil, iaitu Siti Saudah binti Wan

---

<sup>68</sup> *Ibid.* hlm. 57-59.

<sup>69</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2005. hlm. 1, 71, 108.

Abdullah, beliau dikurniakan tiga orang anak iaitu Haji Wan Ismail Qadhi, Hajjah Wan Fatimah.<sup>70</sup>

Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani merupakan orang pertama yang mengambil inisiatif membimbing pemuda-pemuda dunia Melayu di Makkah sehingga menghasilkan ulama dan tokoh yang unggul di dunia Melayu, begitu juga menyeragamakan sistem pelajaran pondok di dunia Melayu. Di antara murid-murid beliau yang terkenal dan berperanan sebagai ulama pondok seperti Tok Kenali<sup>71</sup>, Tuan Husain<sup>72</sup> (kedua-duanya di Malaysia), Syeikh Sulaiman al-Rasuli,<sup>73</sup>

---

<sup>70</sup> Ismail Bin Che Daud. *op.cit.* hlm. 116-117. dan lihat Ahmad Fathy. *op.cit.* hlm. 65.

<sup>71</sup> Tok Kenali dilahirkan di kampung Kenali pada tahun 1868 M. dari satu keluarga kaum tani yang saleh. Nama penuh beliau ialah Muhammad Yusuf bin Ahmad dan nama timangannya "Awang". Dari sejak kecil lagi beliau memperlihatkan tanda-tanda kecedasan yang luar biasa dan kecenderungan kepada ilmu pengetahuan yang tidak pernah puas. Tok Kenali telah melanjutkan pelajarannya di Kota Bharu dalam usia sepuluh tahun dengan berguru pada ulama pada masa itu seperti Encik Ismail, Wan Ali Kontan, Tuan Guru Haji Taib, Tuan Pandang dan Tuan Haji Ibrahim Sungai Budor. Setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya di kota suci Makkah pada tahun 1886 M. Kebetulan di zaman itu hidup seorang ulama besar Patani yang terkenal bernama Al-Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani. (Yusuf Zaky Yacob. 1992. *Tok Kenali (1886-1933)*. dari buku Ismail Bin Che Daud. *op.cit.* hlm. 195-198.)

<sup>72</sup> Tuan Husain ialah seorang ulama Kedah dilahirkan pada 20 Jumadilawal 1280 H. di kampung Titi Gajah, Alor Setar, Kedah. Beliau dilahirkan dalam keluarga ulama. Ayahnya adalah Haji Muhammad Nasir bin Haji Muhammad Taib bin Haji Mas'ud. Pertama kali beliau belajar dari datuknya selama lima tahun. Kemudian belajar di Patani, Kelantan, Terengganu dan Singapura. Pada tahun 1310 H. beliau bertolak ke Makkah untuk mempelajari ilmu kepada guru-guru yang terkemuka, seperti Syeikh Hasbullah, Syeikh Nawawi Banten, Syeikh Ahmad Lingga dan ulama lain termasuk ulama Patani seperti Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani. (Ismail Awang. 1992. *Tuan Husain Kedah (1863-1936)*. dari buku Ismail Bin Che Daud. *op.cit.* hlm. 287-288).

<sup>73</sup> Nama beliau ialah Syeikh Sulaiman al-Rasuli al-Minangkabauwi, lahir di Candung, Sumatera Barat, 1287 H./1871 M., wafat pada hari Sabtu, 29 Jamadilawal 1390 H./1 Ogos 1970 M. Pendidikan terakhir Syeikh Sulaiman al-Rasuli al-Minangkabauwi adalah di Makkah. Ulama Malaysia yang seangkatan dengan beliau di Mekah di antaranya ialah Syeikh Utsman Sarawak (1281 H./1864 M. - 1339 H./1921 M.), Tok Kenali (1287 H./1871 M. - 1352 H./1933 M.) dan ramai lagi. Yang berasal dari Indonesia pula di antaranya ialah Kiyai Haji Hasyim Asy'ari, Jawa Timur (1287 H./1871 M - 1366 H./1947 M), Syeikh Hasan Maksum, Sumatera Utara (wafat 1355 H./1936 M), Syeikh Khathib Ali al-Minankabawi, Syeikh Muhammad Zain Simabur al-Minankabawi (bersara menjadi Mufti Kerajaan Perak tahun 1955 dan wafat di Pariaman pada 1957), Syeikh Muhammad Jamil Jaho al-Minankabawi, Syeikh Abbas Ladang Lawas al-Minankabawi dan ramai lagi. Ketika tinggal di Mekah, Syeikh Sulaiman al-Rasuli al-Minankabawi selain belajar dengan Syeikh Ahmad Khatib Abdul Lathif al-Minankabawi, beliau juga mendalami ilmu-ilmu daripada ulama Kelantan dan Patani. Antaranya, Syeikh Wan Ali Abdur Rahman al-Kalantani, Syeikh Muhammad Ismail al-Fathani dan Syeikh Wan Ahmad Muhammad Zain al-Fathani. Pada tahun 1928 itu juga, Syeikh Sulaiman al-Rasuli bersama sahabat-sahabatnya Syeikh Abbas Ladang Lawas dan Syeikh Muhammad Jamil Jaho mengasaskan Persatuan Tarbiyah Islamiyah. Kemudian persatuan tersebut menjadi sebuah parti politik yang mempunyai singkatan nama PERTI. (Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2006. *Syeikh Sulaiman ar-Rasuli Pahlawan Mazhab Syafie*. (<http://ulama-nusantara-ru.blogspot.com>). Dilihat

Kiyai Haji Hasyim Asy 'ari<sup>74</sup> (kedua-duanya di Indonesia), Tok Burmin<sup>75</sup>, Tok Kelaba<sup>76</sup> (kedua-duanya di Patani) dan lain-lain.

Masyarakat Melayu Patani sejak dahulu kurang berminat mempelajari ilmu sejarah sama ada berbentuk sejarah umum, sejarah Islam, sejarah tempatan dan sebagainya kerana berdasarkan beberapa faktor; antaranya ilmu sejarah dikira tidak termasuk dalam ilmu fardu 'ain yang wajib dipelajari oleh setiap orang malah ia merupakan fardu *kifayah*, oleh itu ulama Melayu Patani silam tidak memberi tumpuan yang serius terhadap ilmu ini. Mereka lebih memberi tumpuan kepada ilmu *usuluddin*, *fiqh* dan *tasawuf* kerana mereka menganggap bahawa tiga ilmu ini ialah ilmu fardu 'ain yang wajib dipelajari oleh semua orang sebagai asas.<sup>77</sup>

Alasan yang kedua, kerana kebanyakan orang Melayu tidak suka membaca buku, mereka lebih suka mendengar daripada membaca sendiri. Kebanyakan mereka

---

pada 12 November 2006., lihat juga Hj.Wan Mohd.Shaghir Abdullah. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara*. jil. 2. hlm. 207-208.

<sup>74</sup> Kiyai Haji Hasyim Asy'ari (Jawa Timur (1287 H./1871 M. - 1366 H./1947 M.) pendiri Pondok pesantren Tebuireng, Jombang, di Jawa Timur dan pengasas Nahdhatul Ulama atau singkatannya NU. Dasar Nahdhatul Ulama (NU) adalah berpegang pada salah satu mazhab yang empat (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali). Ia tidak menegaskan mesti berpegang pada Mazhab Syafie seperti PERTI. Kiyai Haji Hasyim Asy'ari juga sebagai datuk kepada Gus Dur, bekas Presiden Indonesia. (Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2006. *Syeikh Sulaiman ar-Rasuli pahlawan Mazhab Syafie*. Dilihat pada 12 November 2006. <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com>).

<sup>75</sup> Nama sebenar Tok Bermin ialah Haji Wan Ahmad bin Wan Idris. Dilahirkan pada tahun 1874 M. di kampung Binjai, mukim Binjai Lima, Patani. Dipanggil Tok Bermin kerana beliau membuka pondok di kampung Bermin terletak dekat dengan laluan utama Pattani-Teluban (Saiburi) sebagai seorang alim dalam bidang ilmu fiqh. Meninggal dunia pada malam Khamis 29 Zulkaedah tahun 1376 H. bersamaan dengan tahun 1957 M. (Lihat Ahmad Fathy. *op.cit.* hlm. 161-178.)

<sup>76</sup> Nama lengkap Tok Kelaba seperti yang tercatat pada kitab-kitab karangannya dan nota-nota tulisannya ialah Haji Muhammad Husain bin Abdul Latif bin Abdul Mukmin. Lahir di kampung Kelaba Beris, Patani pada tahun 1280 H. bersamaan 1863 M. dari rahim seorang ibu yang bernama Mek Nik binti Imam Abdul Karim. Beliau bukan hanya menyalin karya ulama yang berasal dari Patani tetapi meliputi karya ulama-ulama Aceh, Banjar, Palembang dan lain-lain. Tidak juga setakat menyalin, tetapi menambah komentar di bahagian tepi dan bawah sesuatu kitab yang disalinnya dan selanjutnya disebut *dābiṭ* (ظابط), atau boleh juga disebut nota tepi dan nota kaki. Beliau meninggal dunia pada hari Selasa 21 Syaaban 1367 H. bersamaan 29 Jun 1948 M. dalam usia 85 tahun. (Lihat Ahmad Fathy. *op.cit.* hlm. 117-120. Hj.Wan Mohd.Shaghir Abdullah. *op.cit.* jil. 2. hlm. 25.)

<sup>77</sup> Alasan ini disokong oleh pendapat Haji Muhammad Sidin bin Haji Muhammad Resyad semasa mengupas tentang faktor-faktor yang menyebabkan tidak mampu memberi keterangan sepenuhnya tentang sejarah negeri-negeri Melayu. (Lihat Haji Muhammad Sidin bin Haji Muhammad Resyad. Tanpa Tarikh. *Sejarah Negeri-Negeri Melayu*. t.t. Saudara Sinaran Berhad. hlm. 2.)

hanya mendengar syarahan daripada tuan guru dan memadai dengannya. Alasan yang ketiga, ialah kurang bahan-bahan bacaan kerana pada masa dahulu susah untuk mendapatkan bahan-bahan cetak.<sup>78</sup> Ramai pelajar miliki buku salinan tangan untuk belajar dan ramai juga ulama yang mencari sara hidup mereka dengan mengambil upah menyalin buku seperti Muhammad Yasin Kedah dan Muhammad Khalil al-Maduri<sup>79</sup> atau mereka menyalin buku semata-mata berniat untuk menyebarkan agama seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Tok Kelaba.<sup>80</sup>

Alasan yang lain pula adalah pada masa sekitar abad ke-18, orang Melayu Patani hidup dalam keadaan genting dan takut kepada kerajaan Siam<sup>81</sup> kerana pada masa itu orang-orang Melayu Patani dilarang memiliki buku sejarah dan mempelajari ilmu sejarah khususnya sejarah Patani sehingga sebahagian mereka yang memiliki buku sejarah mengambil sikap membakar atau menimbus buku mereka demi untuk menjaga keselamatan jiwa.<sup>82</sup>

Sebagai contoh, ulama besar seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani pernah melibatkan diri dalam peperangan Siam ke atas Patani dan Kedah pada tahun 1244 H./1828 M. yang diketuai oleh Tunku Muhammad Sa'ad (sepupu Sultan Ahmad Tajuddin, iaitu Sulan Kedah yang kedua puluh dua memerintah antara tahun 1804-1843 M.). Peperangan ini mengakibatkan beliau terpaksa melarikan diri ke Kedah lalu menetap di Pulau Pinang. Hal ini berlaku setelah beliau menyerang orang

---

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *op.cit.* hlm. 1, 80.

<sup>80</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2000. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. jil. 2. Khazanah Fataniyah. Kuala Lumpur. hlm. 70.

<sup>81</sup> Kerajaan Melayu Patani mulai dijajah pada tahun 1786 M. berikutan Sultan Muhammad terakhir mangkat dalam peperangan pada zaman Chakri atau Rama I. Dengan itu, kerajaan Patani berada di bawah takluk kerajaan Thai. (Lihat Ahmad Omar Chapakia. 2000. *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Cetakan Pertama. Kedah Darul Aman. Pustaka Darussalam Sdn.Bhd. hlm. 20. Lihat juga Arifin bin Chik dan lain-lain. 2009. *Patani: Sejarah dan Politik dalam Dunia Melayu*. Yayasan Kebudayaan Islam Selatan Thai. Cetakan Kedua. Songkla. hlm. 149.)

<sup>82</sup> Haji Muhammad Sidin bin Haji Muhammad Resyad. *op.cit.* hlm. 2.

Siam di Kota Kuala (Kuala Bahang-Kuala Kedah) dan memerangi orang Siam di Alir Ganu.<sup>83</sup>

Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani<sup>84</sup> dan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari<sup>85</sup> juga turut serta dalam peperangan kali ini, akhirnya Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dan Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani terkorban syahid di bumi Patani. Sementara Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani berhijrah ke Pulau Duyung Kecil, Negeri Terengganu untuk menyusun strategi semula. Sementara Tok Bendang Daya pula mengambil sikap tidak meninggalkan bumi Patani kerana beliau faham bahawa taktik dan strategi perjuangan perlu disusun secara kemas dan rapi.<sup>86</sup>

Tokoh-tokoh sejarah dari Patani khususnya pada abad ke 18, 19 dan awal abad ke 20 tidaklah begitu ramai kerana mereka lebih menumpu kepada ilmu-ilmu *fardu 'ain* dari ilmu *fardu kifayah* dalam tulisan mereka. Kebanyakannya menulis dalam bidang *fiqh*, *usuluddin*, *tasawuf* dan cabang ilmu-ilmu lain kerana ilmu-ilmu tersebut dianggap sebagai perkara yang perlu disampaikan kepada masyarakat terlebih dahulu. Walaupun begitu, bukan bererti mereka tidak sedikit pun mempelajari ilmu sejarah dan tidak prihatin terhadap sejarah bangsa sendiri.

---

<sup>83</sup> Haji Buyong Adil. 1980. *Sejarah Kedah*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 64.

<sup>84</sup> Syeikh Abdus Shamad bin Abdur Rahman bin Abdul Jalil al-Falimbani mendapat pendidikan asas dari keluarganya sendiri, di Kedah. Kemudian menyambung pelajarannya di negeri Patani. Kemudian belajar di Makkah sekitar 30 tahun dan di Madinah 5 tahun. Beliau dikatakan seorang pejuang dan sebahagian dari syuhada kerana dipercayai hilang dalam Perang Kedah dan Patani melawan Siam pada tahun 1244 H./1828 M. Seorang ulama sufi Asia Tenggara yang terkenal dengan karyanya yang terkemuka kitab *Hidayatus Salikin* dan *Siyarus Salikin*. (Lihat Hj.Wan Mohd.Shaghir Abdullah. 1996. *Ulama Sufi dan Jihad Dunia Melayu*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. hlm. 1-5.)

<sup>85</sup> Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari lahir pada 15 Safar 1122 H. bersamaan 17 Mac 1710 M. dan meninggal pada 6 Syawal 1227 H. bersamaan 3 Oktober 1812 M. (Lihat Hj.Wan Mohd.Shaghir Abdullah. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara*. jil. 2. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. hlm. 152.) Seterusnya pengkaji akan menulis 'Hj.Wan Mohd.Shaghir Abdullah. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara*. jil. 2.'

<sup>86</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2006. *Tok Bendang Daya hulubalang Fathani Darus Salam*. (<http://ulama-nusantara-ru.blogspot.com>). Dilihat pada 12 November 2006.

Mereka juga berusaha menjaga sejarah bangsa sendiri semasa kerajaan Melayu Patani masih merdeka dahulu yang mana memberi prihatin terhadap sejarah bangsa sendiri sebagaimana terdapat kenyataan dalam pendahuluan buku *Tarikh Patani* oleh Syeikh Faqih Ali bin Wan Muhammad al-Fatani dalam *muqaddimah*nya yang mencatat;

“Perhamba seorang yang tak berguna, lagi hina, Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Şafi al-Dīn dititah oleh Sultan banyak kali dah (sudah) supaya mengarang dan menyusun *Tarikh Fatani* kerana takut hilang riwayat kisah-kisah purbakala. Dan perhamba pun *ikhtiar* mengikut titah sultan yang mulia”.<sup>87</sup>

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa raja Melayu Patani dan ulama zaman silam bekerjasama dalam urusan pemerintahan serta prihatin terhadap urusan rakyat dan sejarah silam bangsa sendiri. Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani juga mempelajari ilmu sejarah melalui buku-buku dalam bahasa Arab yang dikarang oleh ahli-ahli sejarah selain dari buku sejarah dalam bahasa Melayu yang dipusakai oleh ulama sebelumnya. Ini dapat dibuktikan melalui kenyataan yang terdapat pada halaman 117 buku *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn*,<sup>88</sup> Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani mengatakan:

“Adapun segala peperangannya (Sultan Uthman) dan segala negeri yang *difatahkan* dia (dibukanya) dan ditundukkan dia maka iaitu amat banyak dan *tafsilnya* (detilnya) di dalam beberapa kitab tarikh yang panjang-panjang (besar)”.<sup>89</sup>

---

<sup>87</sup> Syeikh Faqih Ali bin Wan Muhammad. 1228. *Tarikh Patani (Salinan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani)*. hlm. 3.

<sup>88</sup> Nama lengkapnya ialah *Hadīqat al-Azhār wa al-Rayāhīn fī Manāqib al-Akhyār wa Akhbār al-Şālihīn*, selesai dicetak kali yang keempat oleh Mathba‘ah Persama Press, Pulau Pinang, pada 14 Zulhijah 1377 H. bersamaan 1 Julai 1958 M.

<sup>89</sup> Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. *op.cit.* hlm. 117.

Ini berarti bahwa ulama Melayu silam juga mengambil berat tentang ilmu sejarah dan mempunyai rujukan-rujukan dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab. Mereka yang menulis buku dalam bidang sejarah pada abad ke-18 hingga awal abad ke 20 hanya ada beberapa orang adalah seperti berikut;

1. Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Wan Safi al-Din al-Fatani merupakan tokoh pertama menulis sejarah Patani yang berjudul *Tarikh Patani*. Manuskrip yang asli tidak ditemui, yang ada sekarang ialah salinan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Syeikh Daud membuat salinan dalam tahun 1228 H./1813 M. Salinan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani itu disalin pula oleh salah seorang murid beliau ialah Syeikh Wan Muhammad bin Zainal Abidin al-Fathani atau lebih dikenali sebagai Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fathani.

2. Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1769-1847 M.) menulis buku *Kisah Nabi Yusuf* dan menyalin *Tarikh Patani* karya Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Wan Safi al-Din al-Fatani.

3. Syeikh Muhamad bin Ismail Daud al-Fatani (1844-1915 M.), karya sejarah yang ditulis oleh beliau ialah buku *Al-Durr al-Basīm fī Aṣhāb al-Kahfī wa al-Raqīm*. Buku ini memperkatakan tentang sejarah *Aṣhāb al-Kahfī* yang tidur dalam sebuah gua beratus tahun lamanya. Beliau selesaikan terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu pada tahun 1893 M. Buku ini mengandungi sebanyak 16 halaman dan dicetak oleh percetakan al-Mīriyah, Makkah.

4. Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908 M.) Karya-karya sejarah yang ditulis oleh beliau ialah buku *Tarikh Turki Uthmaniyah*, *Sejarah Lampung Pecah*, *sejarah Nabi Muhammad s.a.w.* dan *Sejarah Perang Patani Melawan Siam* dan lain-lain.